

# Mahathir jelas sebab2 orang Melayu dibantu

11 ME 1976

Oleh MOHD. NOH ATAN

SEGAMAT, Jumaat. — Dr. Mahathir berkata orang-orang bukan Melayu perlu sedar tujuan kerajaan memberi pertolongan kepada orang-orang Melayu supaya mereka mencapai sedikit kemajuan bagi mengelakkan perasaan irihati.

Katanya, pertolongan itu bukan bertujuan memberi hak kepada orang-orang Melayu tetapi membetulkan kedudukan mereka yang telah ketinggalan supaya ada sebanyak sedikit persamaan.

Menurut beliau, kerajaan sedar Dasar Ekonomi Baru bagi menolong Bumiputera belum menempuh banyak kejayaan.

Beliau menerangkan orang-orang Melayu pula



Dr. Mahathir

mesti menyesuaikan diri dari sekarang bagi mencapai kemajuan.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika merasmikan mesyuarat agung UMNO Bahagian Labis di Dewan Jubli Intan di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menerangkan kerajaan boleh memberi pertolongan tetapi dia tentu tidak memberi kesan ke-

pada semua pihak melainkan mereka bersedia menerima pertolongan.

Kata beliau, "Umpamanya seseorang dalam sungai dalam keadaan cemas kita boleh menolong mereka ke tempat cetek, itupun kalau mereka boleh berenang."

"Sebab itu kita perlu menentukan orang yang hendak ditolong sanggup menerima pertolongan."

Dr. Mahathir mengingatkan orang-orang Melayu perlu bersiap sedia menyiapkan diri bagi menerima pertolongan itu.

Menurut beliau lagi, pertolongan modal dan lesen kepada seseorang tentu tidak mendatangkan hasil jika mereka tidak bersedia.

Timbalan Perdana Menteri juga menegaskan kerajaan dalam usaha hendak menolong Bumiputera mengadakan berbagai kemudahan samada bidang pelajaran dan lain-lain dengan harapan mereka boleh

menolong diri sendiri.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya menyatakan kerajaan mendapati kemiskinan bukan melibatkan satu kaum tetapi semua keturunan.

Katanya, kerajaan telah menentukan dasar bagi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Ujarnya, Dasar Ekonomi Baru bertujuan membetulkan kaum yang ketinggalan supaya ada sebanyak sedikit persamaan.

## Tak senang

Menurutnya, kerajaan mendapati kaum-kaum yang telah maju sanggup menyahut seruan kerajaan bagi membantu mereka yang ketinggalan.

"Bagaimanapun ada golongan yang tidak senang melihatkan usaha-usaha membantu golongan yang tertinggal itu.

"Golongan-golongan itu tidak mendapat sokongan dari rakyat," tegasnya.

Mengenai UMNO Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia menegaskan perjuangan parti itu sekarang ialah untuk menyatupadukan orang-orang Melayu serta memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin-pemimpin parti yang ada sekarang.

Namum begitu tegasnya, UMNO berkehendakkan disiplin yang kuat bagi mencapai matlamat perjuangannya.

Beliau juga menggesa orang-orang Melayu supaya menambahkan ilmu-ilmu yang penting seperti dalam jurusan sains dan kejuruteraan bagi menjamin kelidupan mereka masa depan.

Katanya, "Orang-orang Melayu jangan ambil sikap mudah kerana yang mudah tidak akan lagi memberi pengharapan dimasa depan."

Timbalan Perdana Menteri memberi contoh kurangnya penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang sains dan kejuruteraan dan jika ini berlarutan kedudukan mereka masa depan akan terus timpang.

Naib Presiden UMNO itu juga menegaskan perjuangan UMNO hari ini tidak lagi terhad menuntut kemerdekaan, tetapi yang penting bagaimana hendak menggunakan orang-orang Melayu.